

**Nurul Izzah dan Datuk Bandar capai kata sepakat isu PPR Muhibah
Malaysian Insider
Aug 2 , 2013
Oleh Hasbullah Awang Chik**

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib hari ini memberi kebenaran kepada penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Muhibbah di Cheras untuk membayar ansuran RM10 terlebih dahulu bagi membuka meter air mereka yang dikunci Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Persetujuan itu dicapai hasil rundingan bersama Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar di Ibu Pejabat DBKL dan Ahmad Phesal.

Ahmad Phesal yang pada mulanya enggan menerima tawaran Nurul Izzah berlembut selepas naib presiden PKR itu memintanya untuk mempertimbangkan penduduk yang akan menyambut sambutan Hari Raya Aidilfitri minggu hadapan.

Nurul Izzah berkata, mengapa DBKL mengambil langkah mengunci meter air penduduk selepas tunggakannya berjumlah ribuan ringgit dan menjelang musim perayaan yang turut membabitkan orang kurang upaya dan mereka yang sedang menghadapi masalah kewangan. - 2 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nurul-izzah-dan-datuk-bandar-capai-kata-sepakat-isu-ppr-lembah-pantai>